

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI  
KAWASAN : KUALA NERUS  
TARIKH : 20.11.2014 (KHAMIS)  
NO. SOALAN : 399

**SOALAN**

YB Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali (Kuala Nerus) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan syarat-syarat utama yang perlu dipersetujui oleh negara anggota dalam rundingan TPPA sebelum Malaysia menyertai pakatan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Skop dan rangka perjanjian TPP telah dipersetujui oleh 8 buah negara asal TPPA iaitu Singapura, New Zealand, Brunei, Chile, Amerika Syarikat, Australia, Vietnam dan Peru semasa rundingan tersebut dibentuk pada bulan Mac 2010. Skop TPP yang dipersetujui adalah komprehensif dan mempunyai elemen-elemen tradisional perjanjian perdagangan bebas dan juga elemen-elemen baru.